

Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Pertandingan Matematik UIAM (IMC)

Pertandingan merujuk kepada pertandingan matematik IMC (peringkat saringan dan peringkat akhir) anjuran Jabatan Pengkomputeran dan Sains Teori, Kulliyyah Sains, UIAM.

Kami merujuk kepada penganjur pertandingan IMC.

Pihak sekolah merujuk kepada sekolah yang menyertai pertandingan IMC anjuran Jabatan Pengkomputeran dan Sains Teori, Kulliyyah Sains, UIAM.

Peserta merujuk kepada pelajar-pelajar yang menyertai pertandingan IMC.

Pertandingan akan dijalankan sebanyak dua peringkat iaitu **Peringkat Saringan** dan **Peringkat Akhir**. Peringkat saringan akan dilaksanakan oleh pihak sekolah di sekolah masing-masing manakala peringkat akhir akan diadakan di Kulliyyah Sains, UIAM, Kampus Indera Mahkota, Kuantan, Pahang:

1. Pada peringkat saringan, **sat**u salinan digital (*softcopy*) soalan akan dihantar **melalui emel** kepada guru penyelaras yang telah dipilih oleh pihak sekolah.
2. Pihak sekolah haruslah menyediakan maksimum **40 salinan kertas soalan** untuk diberikan kepada peserta pada hari pertandingan.
3. Sebaik sahaja pertandingan tamat, guru penyelaras perlu mengisi jawapan pelajar pada borang yang disediakan (fail MS excel).
4. Guru penyelaras haruslah mengembalikan fail MS Excel jawapan peserta yang lengkap melalui emel kepada pihak kami dalam tempoh yang akan ditetapkan bermula dari tarikh pertandingan tamat.
5. Peserta yang layak ke peringkat akhir akan dimaklum kepada pihak sekolah melalui guru penyelaras.

Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Pertandingan Saringan Adalah Seperti Berikut:

1. Tempat Pertandingan

- 1.1 Pihak sekolah bertanggungjawab untuk menyediakan bilik atau dewan untuk menjalankan pertandingan saringan.
- 1.2 Pihak sekolah juga bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan soalan-soalan daripada sebarang bentuk kebocoran.
- 1.3 Pihak sekolah juga bertanggungjawab untuk memastikan pertandingan dijalankan tepat pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
- 1.4 Pihak sekolah bertanggungjawab untuk melantik seorang guru penyelaras untuk memudahkan perjalanan pertandingan.

2. Penyertaan

- 2.1 Pertandingan ini layak untuk disertai oleh para pelajar dari tingkatan empat (4) dan tingkatan lima (5) warganegara Malaysia sahaja.
- 2.2 Pertandingan dihadkan kepada 40 orang peserta untuk satu sekolah.
- 2.3 Masa pertandingan yang diperuntukkan ialah sebanyak dua jam.
- 2.4 Peserta boleh menggunakan apa jua kaedah matematik di dalam pertandingan ini.
- 2.5 Tiada pemotongan markah untuk jawapan yang salah.
- 2.6 Sebarang penipuan adalah satu kesalahan yang serius.
- 2.8 Peserta hanya dibenarkan membawa masuk *pensil*, *pen*, *pemadam*, dan *pembaris* sahaja ke dewan pertandingan. Buku, buku sifir, kotak pensil, telefon bimbit, jangka lukis, jangka sudut, dan sebagainya tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan pertandingan.
- 2.9 Keputusan pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta melalui melalui guru penyelarasan.

3. Lain-Lain

- 3.1 Pihak kami berhak untuk membuat sebarang pertukaran tarikh pertandingan atau membatalkan pertandingan pada bila-bila masa jika perlu.
- 3.2 Keputusan pertandingan adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan.